



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 434/93

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (LARANGAN KE ATAS PENGGUNAAN
KLOROFLUOROKARBON DAN LAIN-LAIN GAS SEBAGAI PROPELAN DAN AGEN PENGEMBANG)
1993**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

30 Disember 1993

Tarikh mula berkuatkuasa :

31 Disember 1993

SUSUNAN PERINTAH

[Mukadimah.](#)

Perintah 1. [Nama.](#)

Perintah 2. [Tafsiran.](#)

Perintah 3. [Larangan ke atas penggunaan bahan terkawal sebagai propelan.](#)

Perintah 4. [Larangan ke atas penggunaan gas yang boleh terbakar sebagai propelan.](#)

Perintah 5. [Larangan ke atas penggunaan bahan terkawal sebagai agen pengembang.](#)

Perintah 6. [Kawasan di mana larangan terpakai.](#)

Perintah 7. [Ketakpakaian.](#)

[JADUAL](#)

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat perintah yang berikut:

Perintah 1. Nama.

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan ke Atas Penggunaan Klorofluorokarbon dan Lain-Lain Gas Sebagai Propelan dan Agen Pengembang) 1993.**

Perintah 2. Tafsiran.

Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"aerosol" ertinya apa-apa bahan yang dipadatkan di bawah tekanan dalam sesuatu bekas yang mempunyai alat bagi melepaskannya sebagai busa, semburan halus, pepejal atau aliran cecair;

"agen pengembang" ertinya apa-apa bahan yang digunakan sebagai pengisi ruang bagi memberi isipadu atau ketegaran kepada mana-mana keluaran yang digunakan dengan bahan itu;

"bahan terkawal" ertinya apa-apa bahan yang dinyatakan dalam Jadual sama ada wujud bersendirian atau dalam sesuatu campuran;

"propelan" ertinya apa-apa bahan bergas yang bertindak untuk mengeluarkan kandungan sesuatu bekas.

Perintah 3. Larangan ke atas penggunaan bahan terkawal sebagai propelan.

(1) Tertakluk kepada subperenggan (2), penggunaan apa-apa bahan terkawal sebagai propelan-

(a) dalam apa-apa proses pengilangan, tred atau perindustrian aerosol; dan

(b) dalam apa-apa proses pengilangan, tred atau perindustrian alat pemadam api mudah alih,

adalah dilarang mulai dari 1hb Jun 1994.

(2) Penggunaan apa-apa bahan terkawal sebagai propelan dalam apa-apa proses pengilangan, tred atau perindustrian aerosol dalam apa-apa keluaran farmasi yang-

(a) berdaftar di bawah peraturan 8 Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [P.U. (A) 223/84]; dan

(b) digunakan bagi rawatan perubatan semata-mata,

adalah dilarang mulai 1hb Januari 1999.

Perintah 4. Larangan ke atas penggunaan gas yang boleh terbakar sebagai propelan.

Penggunaan gas petroleum yang boleh terbakar atau gas lain yang boleh terbakar sebagai propelan dalam apa-apa proses pengilangan, tred atau perindustrian aerosol adalah dilarang mulai dari 1hb Januari 1999.

Perintah 5. Larangan ke atas penggunaan bahan terkawal sebagai agen pengembang.

(1) Tertakluk kepada subperenggan (2), penggunaan apa-apa bahan terkawal sebagai agen pengembang dalam apa-apa proses pengilangan, tred atau perindustrian adalah dilarang mulai dari 1hb Jun 1994.

(2) Penggunaan apa-apa bahan terkawal sebagai agen pengembang-

(a) untuk mengeluarkan-

(i) busa polistirena tersemerit;

(ii) pembungkus plastik yang ditermoform; dan

(iii) busa poliuretana fleksibel yang terbentuk,

adalah dilarang mulai dari 1hb Julai 1995; dan

(b) untuk menghasilkan busa poliuretana tegar adalah dilarang mulai dari 1hb Januari 1999.

Perintah 6. Kawasan di mana larangan terpakai.

Penggunaan bahan yang dinyatakan dalam perenggan 3, 4 dan 5 bagi maksud yang disebut dalam perenggan 3, 4 dan 5 yang tersebut dahulu adalah dilarang dalam semua kawasan di Malaysia.

Perintah 7. Ketakpakaian.

Larangan ke atas penggunaan apa-apa bahan terkawal, gas petroleum yang boleh terbakar atau gas lain yang boleh terbakar sebagai propelan atau agen pengembang di bawah perenggan 3, 4 atau 5, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak terpakai dalam keadaan di mana Menteri berpuashati bahawa-

(a) penggunaan bahan terkawal, gas petroleum yang boleh terbakar atau gas lain yang boleh terbakar itu adalah perlu untuk melindungi kesihatan atau keselamatan manusia; dan

(b) alternatif bagi bahan terkawal, gas petroleum yang boleh terbakar atau gas lain yang boleh terbakar itu tidak tersedia.

JADUAL

BAHAN TERKAWAL

Bahagian I

<i>Kumpulan</i>	<i>Formula Kimia</i>	<i>Bahan</i>	
I	CFC1 ₃	Triklorofluorometana	(CFC-11)
	CF ₂ C1 ₂	Diklorodifluorometana	(CFC-12)
	C ₂ F ₃ C1 ₃	Triklorotrifluoroetana	(CFC-113)
	C ₂ F ₄ C1 ₂	Diklorotetrafluoroetana	(CFC-114)
	C ₂ F ₅ C1	Kloropentafluoroetana	(CFC-115)
II	CF ₂ BrC1	Bromoklorodifluorometana	(halon-1211)
	CF ₃ Br	Bromotrifluorometana	(halon-1301)
	C ₂ F ₄ Br ₂	Dibromotetrafluoroetana	(halon-2402)

Bahagian II

I	CF ₃ C1	Klorotrifluorometana	(CFC-13)
	C ₂ FC1 ₅	Pentaklorofluoroetana	(CFC-111)
	C ₂ F ₂ C1 ₄	Tetraklorodifluoroetana	(CFC-112)
	C ₃ FC1 ₇	Heptaklorofluoropropana	(CFC-211)
	C ₃ F ₂ C1 ₆	Heksaklorodifluoropropana	(CFC-212)
	C ₃ F ₃ C1 ₅	Pentaklorotrifluoropropana	(CFC-213)
	C ₃ F ₄ C1 ₄	Tetraklorotetrafluoropropana	(CFC-214)
	C ₃ F ₅ C1 ₃	Trikloropentafluoropropana	(CFC-215)
	C ₃ F ₆ C1 ₂	Dikloroheksafluoropropana	(CFC-216)
	C ₃ F ₇ C1	Kloroheptafluoropropana	(CFC-217)
II	CC1 ₄	Karbon tetraklorida	
III	C ₂ H ₃ C1 ₃ *	1,1,1-trikloroetana (metil kloroform)	

* Formula ini tidak merujuk kepada 1,1,2-trikloroetana.

Dibuat pada 25hb Oktober 1993.

[KST&AS (U) 902/JAS; PN. (PU²) 280/IV.]

DATUK LAW HIENG DING,
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD